

Kajian Kes Impak Pengajaran di Muzium ke atas Tahap Kesediaan Guru Pelatih Pendidikan Seni Rupa

Reorientasi Konsep dan Implementasi dalam Pengembangan Keilmuan Pendidikan Seni Rupa

Badrul Isa^{1*}, Bandi Sobandi², Zuraimi Zakaria³ Tri Karyono⁴

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM)^{*}
badru010@uitm.edu.my

Fakultas Pendidikan Seni dan Desain Universitas Pendidikan Indonesia (UPI)²

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM)³

Fakultas Pendidikan Seni dan Desain Universitas Pendidikan Indonesia (UPI)⁴

Abstrak

Program pertukaran pelajar antarabangsa atau dikenali juga sebagai program mobiliti antarabangsa memberi peluang kepada pelajar dari seluruh dunia untuk meneroka kepelbagaiannya ilmu, meluaskan interaksi sosial dan meningkatkan kemahiran komunikasi. Pendedahan pembelajaran di luar negara menjadi lebih bermakna apabila pengalaman ini menjadi titik tolak kepada perubahan diri seterusnya dimanfaatkan sekembalinya ke negara asal setelah selesai program. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan pengalaman pelajar program mobiliti antarabangsa yang juga merupakan guru pelatih Pendidikan Seni Rupa dari Fakultas Pendidikan Seni dan Desain, Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), yang telah mengikuti program pertukaran pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Perbincangan memfokuskan kepada dapatan pengalaman menjalani aktiviti dalam muzium seperti pengajaran mikro (*microteaching*) serta sesi pengendalian objek dan artifak dan impak ke atas tahap kesediaan mereka sebagai guru pelatih pendidikan seni. Reka bentuk kajian kes digunakan dengan temubual separa struktur digunakan sebagai instrumen kutipan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan signifikan di kalangan pelajar program mobiliti ini keatas kesediaan sebagai guru. Adalah diharap kertas kerja ini dapat memberikan gambaran manfaat dan kelebihan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar yang menyertai program pertukaran seumpama ini supaya dijadikan panduan dan penambahbaikan bagi program mobiliti antarabangsa bertepatan dengan kehendak Merdeka Belajar Kampus Merdeka (BMKM).

Katakunci: Pendidikan Seni; Muzium dan Galeri Seni; Merdeka Belajar Kampus Merdeka (MBKM); Mobiliti Antarabangsa; Pertukaran Pelajar;

1. Pendahuluan

Perbincangan di dalam kertas kerja ini memfokuskan kepada kajian kes yang dilaksanakan ke atas empat orang pelajar yang juga guru pelatih Fakultas Pendidikan Seni dan Desain (FPSD), Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), yang telah menjalani program pertukaran pelajar selama satu semester di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia. Di ketika kajian ini di lakukan, kesemua pelajar kini sedang menyambung kuliah di program S1 di Studi Pendidikan Seni Rupa, UPI.

Objektif kajian kes adalah untuk mengenalpasti impak subjek *Museum and Gallery in Education* semasa berada di Malaysia ke atas kesediaan, keperibadian serta sahsiah sebagai bakal guru. *Museum and Gallery in Education* merupakan salah satu daripada subjek praktik yang diikuti oleh pelajar semasa menjalani program mobiliti di Fakulti Pendidikan, UiTM.

Aktiviti pertukaran pelajar menerusi program mobiliti antarabangsa merupakan program pengantarabangsaan yang semakin berkembang dan menjadi amalan kebanyakan institusi pendidikan tinggi dunia (Unlu, 2015).

Dalam konteks pendidikan tinggi di Indonesia, pertukaran pelajar merupakan salah satu

implementasi bentuk pembelajaran yang mendukung Merdeka Belajar-Kampus Merdeka (MKBM) yang dapat dilakukan melalui kerja sama baik dengan perguruan tinggi dalam negeri maupun luar negeri (Junaidi, 2020)

Pendekatan ini merupakan strategi ampuh mendepani cabaran globalisasi yang memerlukan kesediaan pelajar memupuk semangat persefahaman dan kebudayaan pelbagai etnik dan latarbelakang. Pelaksanaan ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk kesediaan berkongsi sumber, pengalaman dan matlamat yang sama iaitu akses pendidikan untuk semua.

Penekanan kepada aktiviti pendidikan yang bersifat global dan merentasi sempadan dimanifestasikan di dalam objektif pendidikan dan garis panduan pelbagai pertubuhan dan jalinan kerjasama.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), contohnya, mengariskan kerjasama di antara negara-negara dunia sebagai satu daripada strategi utama menerusi inisiatif Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals (SDG) 2030*.

Persatuan negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN turut mendukung komitmen kerjasama dalam bidang pendidikan yang memfokuskan kepada peningkatan kualiti pendidikan dan daya saing Asia Tenggara di peringkat antarabangsa.

Sebagai salah satu institusi yang mendukung aspirasi SDG, akses serta ekuiti pendidikan, Fakulti Pendidikan dan UiTM terlibat secara aktif dalam pelbagai program mobiliti dan pengantarabangsaan. UPI merupakan salah satu rakan strategik UiTM yang telah bekerjasama dalam pelbagai projek penyelidikan dan acara yang melibatkan staf dan pelajar. Inisiatif dan jalinan kerjasama di antara kedua-dua institusi ini dirancang dan dilaksanakan semenjak 2018 menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA).

Jalinan kerjasama di antara Fakultas Pendidikan Seni dan Desain UPI dan Fakulti Pendidikan UiTM bermula pada semester Mac-Julai 2019 apabila dua pelajar Fakulti Pendidikan UiTM menyertai program mobiliti pertukaran pelajar selama satu semester di institusi berkenaan. Pada

semester berikutnya (September 2019-Januari 2020), Program Pendidikan Seni dan Senireka, Fakulti Pendidikan UiTM, telah menerima lima orang pelajar dari FPSD UPI.

Subjek yang didaftarkan adalah menerusi proses pemindahan kredit yang dipersetujui kedua-dua institusi, dan melibatkan kuliah teori dan praktik seperti penggunaan studio (*workshop/studio-based practice*), aktiviti pengajaran mikro (*microteaching*), penglibatan seni dalam masyarakat dan pengajaran luar bilik kuliah.

2. Rekabentuk dan Metodologi Kajian

Perbincangan di dalam artikel ini memfokuskan kepada pengalaman empat pelajar FPSD UPI melaksanakan keperluan pembelajaran dan pentaksiran untuk subjek *Museum and Gallery in Education (ADE 465)*. Secara khususnya, kajian ini bermatlamat menganalisa impak subjek *Museum and Gallery in Education (ADE465)* ke atas kompetensi pelajar sebagai guru pelatih dan pembinaan karakter dan sahsiah yang sesuai sebagai seorang pendidik.

Subjek *Museum and Gallery in Education (ADE465)* ini disusun berdasarkan teori dan praktik yang terbahagi kepada lima fasa. Fasa pertama memfokuskan kepada pengenalan dan perkembangan muzium. Fasa kedua, pelajar mempelajari teori pedagogi dalam muzium. Setelah menguasai teori, pelajar mempelajari penyelidikan artifak (*hands-on*) dan pengajaran mikro dalam dalam muzium.

Fasa ketiga, pelajar akan mula diperkenalkan penerokaan artifak menggunakan kaedah pembelajaran berdasarkan objek (*Object-Based Learning*) di dalam kelas. Fasa ini, pelajar mula meneroka artifak yang disediakan dalam kuliah di UiTM.

Fasa keempat menumpukan kepada Penyelidikan ke atas objek dan diteruskan di muzium bagi penghasilan *Educational Kit for Art Teachers in the Museum (EKAT)*.

Fasa kelima dan terakhir adalah pengajaran micro dimana pelajar akan menyampaikan pengajaran dalam muzium.

Walaupun keempat-empat pelajar FSPD ini turut mengikuti subjek-subjek praktik yang lain, subjek *Museum and Gallery in Education* dipilih sebagai asas kajian berdasarkan kelainan yang terdapat di dalam subjek ini. Berikut merupakan kelebihan dan justifikasi *Museum and Gallery in Education* dipilih sebagai konteks kajian:

- 1) Subjek *Museum and Gallery in Education* ini dilaksanakan di dalam muzium dan galeri seni. Aktiviti pembelajaran, pengajaran mikro serta penilaian dilaksanakan menerusi interaksi pelajar dengan suasana dalam muzium. Keadaan ini berbeza daripada amalan biasa yang menggunakan bilik kuliah sebagai lokasi kuliah dan latihan.
- 2) Penggunaan artifak dan kaedah Pengajaran Berasaskan Objek (*Object-Based Learning* atau OBL) sebagai kerangka utama yang mendasari proses pendidikan dalam muzium.
- 3) Penghasilan bahan bantu mengajar *Educational Kit for Art Teachers in the Museum* (EKAT) sebagai sebahagian daripada proses pengajaran di muzium. Pelajar menyediakan bahan ini sebagai panduan kepada guru-guru seni mengajar dalam muzium.
- 4) Objek/artifak mempunyai kaitan langsung dengan budaya dan amalan masyarakat dan penggunaannya sebagai alat bantu mengajar memerlukan pemahaman yang tinggi.
- 5) Pendidikan seni di sekolah memerlukan guru yang kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan muzium dan galeri seni memberikan kelebihan kepada guru dalam menarik minat pelajar untuk belajar.

Bagi menjayakan matlamat mengalakkan penggunaan muzium di kalangan guru di Malaysia, Muzium kesenianan Islam Malaysia dan Fakulti Pendidikan UiTM bekerjasama membentuk projek *University-Museum Partnership Initiatives* iaitu kerjasama pintar yang membolehkan guru pelatih UiTM menggunakan muzium bagi menjalankan aktiviti.

Menerusi kerjasama ini pelajar berpeluang menggunakan kemudahan perpustakaan, sesi khas eksplorasi objek dan artifak bersama kurator, ruangan pameran sebagai lokasi pengajaran mikro, ruang seminar dan bimbingan langsung dari kakitangan unit pendidikan. Kerjasama ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk menggunakan muzium sepenuhnya bagi tujuan pendidikan.

Muzium Kesenian Islam Malaysia merupakan muzium seni Islam terbesar di Asia Tenggara. Muzium ini mula dibuka kepada orang ramai pada tahun 1998. Keunikkan muzium ini bukan sahaja koleksi artifak seni Islam malahan rekabentuk bangunan mengadaptasi seni bina pengaruh seni bina Parsi. Muzium ini mempunyai 12 galeri utama yang mempamerkan kehebatan dan pencapaian dalam dunia Islam dari seluruh pelusuk dunia.

Dianggarkan seramai 11,000 hingga 15,000 pengunjung mengunjungi muzium ini setiap bulan menjadikannya sebagai muzium nombor satu di Malaysia dan tersenarai sebagai sepuluh muzium terbaik Asia.

2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan tumpuan kepada empat orang pelajar mobiliti Indonesia sebagai responden kajian kes. Menurut Creswell (2009), kajian kualitatif memberikan maklumat kepada penyelidik untuk memahami perkara berkaitan dengan kecenderungan dan sikap seseorang itu apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan dan situasi.

Proses pengumpulan data dilakukan dua semester setelah pelajar pulang semula ke Indonesia dan meneruskan pengajaran mereka. Jurang durasi dua semester ini memberikan tempoh masa yang mencukupi kepada para pelajar untuk mengasimilasikan kemahiran dan ilmu yang dipelajari daripada pengalaman menjalani pengajaran di Malaysia. Tempoh 11 bulan ini juga membolehkan perubahan sahsiah serta keperibadian mencapai tempoh matang dan bersifat reflektif.

2.2 Metodologi Kajian

Kajian kes ke atas guru pelatih dilaksanakan menerusi kaedah tembusan separa berstruktur. Tembusan separa berstruktur memberikan kelebihan kepada penemubual untuk mendapatkan maklumat secara mendalam dan terus daripada responden (Burns, 2000). Sesi tembusan dijalankan secara berasingan untuk setiap responden melalui aplikasi Google Meet.

Soalan tembusan memfokuskan kepada empat aspek utama: maklumat demografik; motivasi, pengalaman dan kesediaan sebagai guru sebelum penglibatan program mobiliti; pengalaman semasa berada di Malaysia (dengan perhatian khusus ke atas pengalaman mengikuti subjek *Museum and Gallery in Education*); serta impak subjek ke atas kesediaan dan keperibadian guru pelatih setelah berada di negara asal.

Penggunaan Google Meet membolehkan sesi temubual direkodkan. Bagi menjaga etika kerahsiaan dalam penyelidikan ini, nama samaran (*pseudonym*) digunakan mengantikan nama sebenar.

3. Dapatan Kajian

3.1 Maklumat Demografik

Kesemua responden terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar jurusan Pendidikan Seni Rupa Fakultas Pendidikan seni dan Desain, UPI yang terdiri daripada dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan.

Maklumat demografi yang diperolehi menunjukkan kesemua mereka mempunyai latarbelakang dan status sosio ekonomi yang pelbagai.

Pelajar pertama Aulia yang berumur 21, berasal dari kawasan pendalaman selatan Jawa Barat. Pelajar kedua, Bayu berumur 25 tahun dari Kota Bandung.

Pelajar ketiga Tika peserta paling muda berusia 19 tahun juga berasal dari Bandung dan pelajar terakhir Hadi berumur 21 tahun berasal Jakarta.

Aspek Budaya, Persekutaran, dan Interaksi Sosial menjadi Dorongan Penyertaan Program Pertukaran Pelajar

Menerusi temubual, kesemua pelajar menyatakan amat bersyukur dapat diberikan peluang untuk mengikuti pembelajaran di luar negara.

Motivasi menyertai pertukaran pelajar ini didorong oleh pelbagai faktor, antaranya faktor budaya, menambah kenalan, ingin merasai persekitaran baru, dan memperbaiki interaksi sosial dan komunikasi.

Bagi Aulia penyertaan beliau dalam program mobiliti ini terbit daripada perasaan ingin tahu mengenai keadaan pembelajaran pendidikan seni di luar negara serta budaya setempat.

Beliau menyatakan bahawa; “... saya kepingin melihat kultur dan kurikulum yang digunakan di Malaysia. Jadi lebih gaya penasaran karna gaya pembelajaran di Indonesia monoton yang kebanyakannya dari sekolah dasar hingga universitas gaya biasa aja terus akhirnya rasa ada titik jenuh pada awalnya terus apa bila ada pensyarahan UiTM yang datang ke UPI... mula penasaran

universitas Malaysia itu gaya bagaimana... sistem pendidikannya... terus ngobrol sama Kajur program samada ada student exchange ...”

Bagi Tika, pengalaman menyertai program mobiliti luar negara menjadi cita-cita beliau semenjak dari sekolah lagi.

Peluang ini membantu beliau untuk belajar menjadi lebih berdikari dan dapat mengenalpasti kemampuannya mengadaptasi suasana pembelajaran luar daripada zon selesa beliau.

Ujar Tika, “*...this is my first-time joining mobility because waktu SMA when I was in high school there were a few of student exchange student mobility program also but because of my age... so, could not join because I have a dream of living abroad one day. When I heard about the program in the university, I immediately attracted overwhelmingly happy about this program, so I triggered to join this program...so this might be my first tiny steps to learn new things outside my comfort zone also learning different perspectives about the world...”*

Beliau menambah peluang ini turut meningkatkan pengetahuan budaya: “*...I can learn new culture and arts in Malaysia, how art in Malaysia can different from Indonesia and what kind of culture that has similarity between Indonesia and Malaysia and that kind of things...”*

3.2 Pengurusan Masa dan Peningkatan Sahsiah sebagai Guru

Kesemua pelajar bersetuju bahawa program ini memenuhi jangkaan (*expectation*) dan harapan mereka serta memberikan impak positif kepada mereka sebagai pelajar dan seterusnya persediaan sebagai guru. Antara impak positif yang mereka pelajari adalah pengurusan masa dan sahsiah sebagai pendidik.

Tika menjelaskan bagaimana suasana pembelajaran dan pengurusan masa memberikan kesan kepada beliau, “*There are a lot of positive things that I have experienced there... firstly, I stepped into a really of fast- paced country... so their kind of a lot of struggles living there; it was kinda helping me a lot with the way I have; to live also learn.... It also changes the way I learn something... the way I handle things because of the responsibility in doing things the way they (Malaysian students) do their work ...something like that it also made me think that there are a lot of different things that I can learn from them. Since I live in Malaysia, there are so many things that change my living style in Indonesia...”*

Manakala bagi Bayu, terdapat dua kesan seara langsung ke atas beliau, iaitu profesionalisme pensyarah dan pengurusan kewangan. Daripada aspek pengurusan kewangan, kehidupan sebagai pelajar di luar negara banyak membantu Bayu mengurus kewangan dengan lebih berhemah.

Bagi amalan professionalisme sebagai pensyarah dan pendidik yang menjadi panduan kepada beliau, Bayu menyatakan bahawa, “... sistem pembelajaran yang berbeda dari tempat saya ...pensyarah macam menyampaikan pembelajaran kepada siswa dengan begitu semangat begitu... Dan perbedaan itu menjadi hal yang mungkin positif untuk saya kerana menurut saya, untuk pembelajaran yang pensyarah sampaikan kepada mahasiswanya...err... perlu mengambil tahu apa yang dibutuhkan... Kepada diri saya itu saya lebih banyak mempelajari dan faham begitu... cara penerapan begitu pensyarah sebeginu...”

3.3 Pengalaman *Microteaching* di Muzium

Temubual juga mendapati peserta mengakui bahawa program mobiliti ini meningkatkan kemahiran pedagogi dan kesediaan mereka sebagai guru ekoran banyak platform latihan mengajar disediakan.

Menurut Kinsella and Pitman (2012), latihan pendidikan guru perlu mengimbangkan keperluan kemahiran antara teori dan praktik.

Pelajar menyatakan bahawa pengalaman pengajaran mikro mengukuhkan keyakinan mereka dalam menguasai kemahiran mengajar yang ditawarkan dalam program Pendidikan Seni dan Senireka Fakulti Pendidikan UiTM. Kesemua pelajar berpendapat amalan ini sangat membantu mereka memahami peranan guru melaksanakan proses pengajaran formal di dalam muzium.

Apabila ditanyakan tentang kesediaan menggunakan muzium sebagai lokasi pengajaran apabila kembali ke Indonesia sebagai guru, Bayu menjelaskan; “Saya siap untuk bagaimana saya menerapkan seperti itu karna sistem seperti itu dan pembelajaran seperti itu sangat baik menurut saya. Kerana saya rasakan dengan cara di muzium itu saya

lebih faham dan lebih mudah untuk memahami...”

Bagi Aulia, pendekatan pedagogi yang dipelajari boleh disesuaikan dengan keadaaan dan konteks di Indonesia. Menurut Aulia, “*Insyallah, pasti bakal menggunakan pengalaman yang dipelajari di Malaysia, malah diinovasi lagi dengan cara-cara ...disesuaikan... saya cukup yakin dengan pengetahuan yang saya dapat...”*

Aulia turut memaklumkan bahawa perubahan dan peningkatan pedagogi selepas pulang dari Malaysia disedari oleh anak-anak muridnya. Sebelum terlibat dengan program mobiliti ini beliau terlibat sebagai tenaga pengajar persendirian mengajar subjek matematik, mengajarkan pengajian Al-Quran, dan lukisan.

Aulia menjelaskan, “*Respon anak-anak murid... Kalau dulukan ya udah monoton kalau ngajar... apa yang dipelajari di universitas dikasikan ke anak-anak jadi enggak ada inovasinya... Kalau sekarang udah ada inovasinya...Jadi anak-anak memangnya lebih bagus responnya berbanding yang dulu...Hasil dari pengalaman berada di Malaysia banyak membantu...”*

3.4 Kelebihan Artifak dalam Muzium

Artifak muzium adalah produk kreatif masa lampau yang dipamerkan dalam bentuk skima tertentu disusun atur supaya kelihatan menarik untuk mencetuskan rasa ingin tahu. Faktor ini dibantu dengan suasana dalam muzium yang mengambilkira keperluan pengunjung seperti pencahayaan dan gaya pameran. Daripada temubual didapati pelajar amat teruja dengan pendekatan interaktif aktiviti penerokaan ke atas objek artifak menerusi bengkel kendalian kurator Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Hadi, menerusi pengalaman beliau mengendalikan objek di muzium, menjelaskan bahawa beliau amat tertarik dengan kekuatan pameran dan penggunaan objek dalam muzium dan kesan proses ini ke atas beliau.

Menurut beliau, “*Pengalaman (penggunaan artifak) sangat-sangat meningkatkan motivasi, kerna jujur Hadi tu... Sangat tertarik dan penasaran sama gaya artifak-artifak arkeologi seperti itu, jadi apa lagi kalau ke muzium tu benar-benar... apa... inspired ... ya terinspirasi...”*

Salah satu keperluan subjek *Museum and Gallery in Education* melibatkan sesi pengenalan objek untuk guru-guru pelatih sebelum mereka

mengendalikan proses pengajaran mikro. Pelajar telah didedahkan terlebih dahulu kepada kaedah pengajaran OBL sebelum memulakan proses perancangan pengajaran di muzium. Pelajar juga telah dibawa melawat Muzium Kesenian Islam untuk mengenali artifak dan koleksi muzium berkenaan secara lebih dekat sebelum proses pengajaran.

Dalam sesi pengenalan pengendalian objek artifak sebagai sumber pengajaran, Tika menjelaskan bahawa beliau tidak pernah terfikir bahawa koleksi dan muzium terdiri daripada pelbagai objek warisan boleh menjadi *powerful tools* bagi tujuan pengajaran. Ini memberikan inspirasi kepada beliau untuk memahami proses pengajaran menggunakan objek di dalam muzium.

Tika menjelaskan, “*The introduction to object handling artifact during the first session in the class before we go to the museum... very useful... We need to analyze how the shape... Something like that and after that, we go to the actual museum... and then we prepare to go to the museum we organize step by step approach... This somehow really prepare me before we plan our visit...and it is very structural... and helps me to know the process... ”*

Dapatan ini selari dengan pandangan Irna, Suwandi, Setiawan, and Sudarmaji (2019) bahawa pameran koleksi muzium dalam bentuk persembahan ruang pameran selayaknya mampu menyajikan bukti hasil pencapaian dan keunggulan kebudayaan yang pernah dicapai oleh generasi terdahulu. Melalui mampu menghadirkan kebanggaan warga masyarakat akan kemampuan bangsanya, menambah pengetahuan masyarakat, serta menimbulkan semangat juang untuk mempertahankan negaranya.

3.5 Peningkatan Kemahiran Penyelidikan

Pelajar menyatakan bahawa subjek yang diikuti dalam program Pendidikan Seni dan Senireka, Fakulti Pendidikan UiTM, banyak menitikberatkan aspek penyelidikan. Ini memberikan kesan positif kepada proses pembelajaran mereka.

Pengenalan kepada buku lembaran kerja yang dikenali sebagai *Research Work Book*

(RWB) benar-benar meninggalkan kesan mendalam kepada mereka.

Pelajar kini memahami kepentingan konsep penyelidikan dan rujukan dalam berkarya. Setelah kembali ke Indonesia, kesemua pelajar masih menerapkan komponen penyelidikan di dalam pembelajaran mereka. Keadaan ini, menurut pelajar, menjadikan mereka lebih yakin berkarya selain menyediakan mereka untuk penulisan ilmiah (skripsi) akhir pengajian nanti.

Bayu mengulas impak komponen penyelidikan dalam subjek yang diambil ke atas dirinya, “*Saya sebelumnya... sulit untuk meriset suatu tugas gitu atau suatu perkerjaan, ketika di UiTM saya di... Bagaimana saya diajarkan riset suatu tugas yang sebelumnya saya lemah di bidang... bagaimana saya meriset sesuatu... sebelum saya langsung lebih suka praktis gitu... Dan setelah saya belajar di sana, saya bisa tahu bagaimana step untuk meriset sesuatu tugas gitu... Dalam art bagaimana kita buatkan satu karya dengan riset yang mantap yang diajarkan oleh pensyarah... ”*

Dalam konteks pengalaman di muzium, struktur subjek *Museum and Gallery in Education* menerusi kaedah OBL banyak mendedahkan Tika dengan elemen penyelidikan.

Tika menyebutkan, “*Because of this subject, I guess...it makes me like learn how to do research.... because while in Indonesia, research is not really my favorite thing to do... When I go to Malaysia, I guess research has become my... I need to do research before I do something... because of this exposure, while I am in Malaysia, I was able to do research. It helps me a lot in finding high quality resources.”*

3.6 Kunjungan ke Muzium sebagai Pengalaman Baru dan Istimewa

Hasil temubual mendapati pengalaman mengikuti kuliah dan menggunakan muzium sebagai lokasi pengajaran merupakan pengalaman pertama kesemua responden. Pengalaman ini dianggap istimewa kerana berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman berkunjung ke muzium di Malaysia dan memanfaatkan kunjungan bagi tujuan pendidikan. Pelajar perlu didedahkan dengan suasana pembelajaran aktif dan diransang dengan keadaan sebenar. Kunjungan ke muzium menepati ekosistem yang disarankan ini.

Menggunakan muzium sebagai lokasi pembelajaran, Tika tidak menyangka bahwa subjek *Museum and Gallery in Education* ini akan menggunakan muzium sebagai lokasi

pembelajaran. Tika yang amat teruja menyebut, “...initially, I thought that the subject was just talking about museums, museum kind of stuff, and things that... We don't need to go to the exact museum like that and also teaching in the museum... Hah never thought of that... I thought that it was more like taking notes and then teaching in the class, but I heard that we need to teach in the museum... It was a kind of new experience to me... Looking at these methods, I think it could help kids from high school or elementary schools know the real shape of experiencing the environment there...”

Ekosistem muzium yang berlainan dari ekosistem biasa di sekolah menarik minat pelajar kerana ruangan pameran muzium yang luas dan selesa di samping meneroka pameran mengikut tahap kefahaman dan minat mereka sendiri. Menurut Hadi, kelebihan muzium lokasi pembelajaran terletak pada ruangan yang besar dan luas yang memberikan peluang untuk pengunjung memilih dan meneroka bahan dan pameran yang mereka suka.

Hadi turut mengulas keluasan muzium, “...bisa mengexplore semahu kita then sepuasnya kita mengenai barang-barang yang ada di muzium itu...”

Menerusi temubual pengalaman menggunakan muzium, pelajar kini lebih memahami fungsi muzium dalam pendidikan. Pengalaman berada di muzium mengendalikan pengajaran dan pembelajaran merupakan pengalaman bernilai sebagai bakal guru.

4. Perbincangan

Dapatan dari temubual yang dijalankan bersama pelajar mendapati program pertukaran pelajar ini banyak memberikan pengalaman bermanfaat kepada mereka. Daripada dapatan kajian, terdapat empat impak utama subjek *Museum and Gallery in Education* ke atas kesediaan pelajar sebagai guru.

4.1 Pedagogi Muzium

Selain daripada menguasai kemahiran mengajar di dalam sepanjang mengikuti program mobiliti ini, pelajar kini telah di

ajarkan pengajaran kreatif iaitu pedagogi dalam muzium.

Dunia pendidikan berkembang pantas seiring dengan kemajuan teknologi, kandungan, pedagogi dan sumber kelas perlu dikaji dan dikemaskini, agar lebih relevan dengan Pendidikan Abad ke-21 (Burton & Scott, 2007; Isa, Salim, Zakaria, & Forrest, 2015). Kebolehan guru mengadaptasi keperluan pengajaran mengikut perkembangan semasa memerlukan refleksi kendiri yang berterusan. Kemahiran ini dipengaruhi oleh latihan yang mereka perolehi semasa dalam latihan guru (Zakaria, Care, & Griffin, 2011).

Pedagogi dalam muzium memberi tambahan kemahiran kepada pelajar dan kini mereka telah bersedia untuk memanfaatkan muzium dan galeri seni di Indonesia sebagai lokasi pengajaran.

4.2 Artifak dan Pameran Muzium

Menerusi subjek *Museum and Gallery in Education* ini pelajar didedahkan dengan kaji selidik menggunakan teknik OBL (*Object-Based Learning*). Teknik yang digunakan dalam bidang permuzuman ini melibatkan pameran dan objek artifak dalam muzium membantu kefahaman menyeluruh tentang bagaimana sesuatu produk atau objek dihasilkan. Pedagogi menerusi artifak ini membuka minat pelajar untuk meneroka dan berfikir (Isa, 2017).

Kaedah ini meningkatkan kemahiran penyelidikan sekaligus membantu mereka untuk berfikir dan melaksanakan tugasans bersandarkan kepada fakta hasil penyelidikan.

4.3 Fungsi Muzium

Pelajar kini memahami fungsi muzium dalam pendidikan. Pengalaman berada dalam muzium dan kemudahan yang ditawarkan memberikan alternatif kepada mereka untuk memilih muzium sebagai satu lokasi pilihan dalam pendidikan. Persekutuan memainkan peranan penting dalam pembelajaran. Muzium mendorong interaksi pelajar aktif dengan objek dan pameran meningkat penglibatan pelajar dalam pembelajaran (Witmer, Luke, & Adams, 2000).

Fungsi muzium dalam menggalakkan pembelajaran ini perlu mendapat perhatian dari pengurus dalam sektor pendidikan. Adalah diharap pengalaman pelajar program mobiliti ini di muzium menjadikan muzium terus relevan pada masa akan datang.

4.4 Muzium dan Pendidikan Guru

Muzium dan institusi pendidikan berkongsi matlamat yang sama iaitu Pendidikan Untuk Semua. Pendedahan kepada pelajar mobiliti mengenai muzium dan pendidikan menerusi *University-Museum Partnership Initiatives* melibatkan Muzium Keseniaan Islam Malaysia dan Fakulti Pendidikan UiTM ini telah memungkin latihan dan peningkatan pedagogi di kalangan pelajar.

Pelajar UiTM dan UPI telah menerima pelbagai kelebihan hasil daripada kerjasama pintar ini. Model kerjasama ini boleh dijadikan contoh bagi manfaat pendidikan.

6. Kesimpulan

Selama berada di Malaysia empat orang pelajar FSPD UPI telah didedahkan dengan pelbagai kegiatan yang berfokus kepada penyediaan dan peningkatan sebagai guru. Ekosistem pendidikan yang berbeza dari tempat asal menjadikan pelajar lebih berdikari dan mampu beradaptasi dengan baik.

Peningkatan dan keseronokan menjalankan aktiviti sepanjang mengikuti program pertukaran pelajar bersama Fakulti Pendidikan UiTM ini diharap boleh menjadi panduan dan rujukan kepada pelaksanaan konsep Merdeka Belajar-Kampus Merdeka (MBKM) yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.

Kami menyarankan program pertukaran pelajar perlu menjadi platform pilihan institusi pendidikan yang menjalankan program pendidikan guru berdasarkan pengalaman yang dilaksanakan oleh UiTM dan UPI ini.

7. Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak berikut di atas kerjasama dan panduan yang diberikan bagi menjayakan pelaksanaan Projek Pertukaran Pelajar di bawah aktiviti Program Mobiliti dan Pengantarabangsaan Fakulti Pendidikan UiTM, Malaysia, bersama Fakultas Pendidikan Seni dan Desain UPI, Indonesia.

- 1) Prof. Madya Dr. Nabilah Abdullah
- 2) Dekan Fakulti Pendidikan UiTM
- 3) Dr. Zakaria S. Soetedja, M. Sn

- 4) Dekan Fakultas Bahasa dan Seni, UPI
- 5) Muzium Keseniaan Islam Malaysia
- 6) Office of International Affairs (OIA) UiTM
- 7) Office of International Education and Relations, UPI

8. Pustaka

- Burns, R. (2000). *Introduction to research methods* (3rd Ed. Vol. 3). California SAGE Publication.
- Burton, C., & Scott, C. (2007). Museums: Challenges for the 21st century. In R. Sandell & R. Janes (Eds.), *Museum Management and Marketing* (pp. 49-66). New York: Routledge.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. California: SAGE Publication Inc.
- Irna, T., Suwandi, Setiawan, B., & Sudarmaji, A. (2019). *Dampak Revitalisasi Museum terhadap Apresiasi Masyarakat*. Indonesia: Pusat Penelitian Kebijakan Pendidikan dan Kebudayaan, Badan Pengembangan, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Isa, B. (2017). *Museum pedagogy and learning experiences: an investigation into museum education from institutional perspectives*.
- Isa, B., Salim, R., Zakaria, Z., & Forrest, D. (2015). From classroom to museum: A preliminary study of teachers preferences of formal learning experiences in museum setting. *21st Century Skills: Language and Arts Education through the Lens of Culture and Heritage*, 2, 173-188.
- Junaidi, A. (2020). *Panduan Penyusunan Kurikulum Pendidikan Tinggi Di Era Industri 4.0 Untuk Mendukung Merdeka Belajar-Kampus Merdeka*. Indonesia: Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
- Kinsella, E. A., & Pitman, A. (2012). *Phronesis as professional knowledge: Practical wisdom in the professions* (Vol. 1): Springer Science & Business Media.
- Unlu, I. (2015). Teacher Candidates' Opinions on Erasmus Student Exchange Program. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 15(1), 223-237. Retrieved from <http://search.proquest.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/scholarly-journals/teacher-candidates-opinions-on-erasmus-student/docview/1697488074/se-2?accountid=42518>

- Witmer, S., Luke, J., & Adams, M. (2000). Exploring the Potential of Museum Multiple-Visit Programs. *Art Education*, 53(5), 46-52. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/3193839>
- Zakaria, Z., Care, E., & Griffin, P. (2011). From deficit approach to developmental learning paradigm: a longitudinal investigation of the interplay between teacher beliefs, practice and a professional development program. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 29, 1541-1548.